

K12  
313

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SKW220 - Falsafah Penyelidikan Sosial

Masa: [2 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Bahagian A (75 markah)

Soalan objektif. Jawab SEMUA bahagian dalam Soalan 1 dalam borang OMR. Satu bahagian cuma mempunyai satu jawapan yang betul. Tiap-tiap bahagian mengandungi 3 markah.

Soalan 1

- (1) Andaian ontologikal adalah idea-idea tentang:
- (a) apa yang boleh dikira sebagai ilmu
  - (b) apakah jenis perkara yang ada/wujud
  - (c) di manakah satu projek penyelidikan itu patut bermula
  - (d) jenis soalan yang boleh dijawab oleh penyelidikan sosial
- (2) Proses pengukuhan (corrobaration) merujuk kepada:
- (a) proses membuktikan bahawa satu teori itu adalah benar
  - (b) idea yang dipinjam dari teori yang sudah diterima
  - (c) insipirasi yang didapati dari pengalaman luar biasa
  - (d) status teori yang telah berjaya dalam ujian kritikal
- (3) Strategi penyelidikan abduktif adalah bertujuan untuk:
- (a) menguji teori
  - (b) menghuraikan penjelasan aktor sosial
  - (c) mencari mekanisme sebab musabab asas
  - (d) membentuk kenyataan umum

- (4) Strategi penyelidikan deduktif bermula dengan:
- (a) teori
  - (b) konsep, makna dan motif seharian
  - (c) pengumpulan data
  - (d) pembinaan model
- (5) Popper membezakan sains dari bukan sains dengan cara:
- (a) kriteria penyangkalan
  - (b) kriteria penyelesaian kemusykilan
  - (c) adakah teori digunakan
  - (d) apa yang dipercayai oleh majoriti
- (6) Realiti yang dibina secara sosial:
- (a) boleh diwakili oleh carta organisasi
  - (b) wujud dengan tidak bergantung kepada manusia
  - (c) ialah ciptaan manusia yang simbolik
  - (d) hanya berakhir untuk jangka masa yang pendek
- (7) Sains luar biasa:
- (a) membuat penemuan yang menakjubkan
  - (b) timbul hasil dari krisis keyakinan dalam satu paradigma
  - (c) dilakukan di universiti universiti yang berprestij
  - (d) ialah apa yang dilakukan oleh ahli sains sepanjang masa
- (8) Strategi induktif berakhir dengan:
- (a) satu intepretasi
  - (b) hipotesis yang telah dibuktikan
  - (c) teori yang telah diuji
  - (d) undang undang universal
- (9) Kuhn:
- (a) memulakan revolusi sains
  - (b) mencipta paradigma baru
  - (c) mencipta pandangan tentang bagaimana ilmu sains dibangunkan
  - (d) adalah penyokong kepada rationalisme kritikal

- (10) Andaian ontologikal relativist merujuk kepada:
- (a) apa yang terjadi di dalam keluarga
  - (b) kewujudan realiti yang berganda
  - (c) paradigma-paradigma yang bertanding
  - (d) idea tentang hanya ada satu realiti
- (11) Ahli induktivis dan deduktivis mengangap bahawa realiti sosial:
- (a) wujud tanpa bergantung kepada aktor sosial
  - (b) dicipta oleh Tuhan
  - (c) dibentuk secara sosial
  - (d) mengandungi makna dan intepretasi simbolik
- (12) Kaedah positivisme menghalang kemajuan kaedah-kaedah sains sosial alternatif dari segi apa?
- (a) Tidak semestinya semua fenomena boleh diterangkan
  - (b) Tidak semestinya semua fenomena boleh diwakili oleh sistem logik abduktif
  - (c) Tidak semestinya semua fenomena boleh dijelaskan mengikut andaian-andian universal golongan intelektual Barat
  - (d) Tidak semestinya semua fenomena boleh diterangkan dari segi sains
- (13) Mengapakah sebahagian dari sistem keterangan masyarakat Timur dan Asia berbeza dari Barat?
- (a) Tidak ada pemisahan yang jelas di antara ilmu yang wujud dari kaedah empiris dan emosi
  - (b) Pemerhatian dan peninjauan masyarakat Timur dan Barat tidak tamat ditahap kaedah dan aktiviti sains
  - (c) Orang Timur dan Asia mementingkan agama dan imaginasi lebih dari sains
  - (d) Orang Timur dan Asia menolak pendirian orang Barat yang berbeza daripada mereka
- (14) Kerefleksifan membantu keterangan ontologi dalam cara demikian:
- (a) Bagaimana orang yang dikaji memandang kedudukan pengkaji
  - (b) Bagaimana pengkaji menentukan pengaruhannya atas masyarakat sebagai pemimpin dan penggerak
  - (c) Bagaimana pengkaji boleh mempengaruhi proses pengumpulan dan analisis data
  - (d) Bagaimana pengkaji dan orang yang dikaji bersama-sama menuju ke arah kesedaran dan keinsafan

- (15) Keistimewaan peninjauan masyarakat pribumi berkait dengan faktor berikut.
- (a) Penerusan di antara kaedah sains dan meta sains
  - (b) Penerusan di antara sains dan daya cipta
  - (c) Penerusan di antara sains dan daya kreatif
  - (d) Penerusan di antara sains dan fenomenologi
- (16) Adat Melayu dan Nusantara dibentuk berdasarkan proses-proses pendemokrasian. Bagaimana ia dimanifestasi?
- (a) Memajukan kaedah-kaedah bersepakatan dan persamaan mengikut fungsi, keperluan dan kebolehan
  - (b) Menggalakan Islam sebagai punca demokrasian ilmu
  - (c) Menentukan bahawa sistem kepimpinan mesti mengikut prinsip pakat-muafakat
  - (d) Mengamalkan tradisi lisan yang mengekalkan persamaan
- (17) Dua komponen utama dalam adat Melayu dan Nusantara mengelak stratifikasi dan hirarki kebapaan dan ini mempengaruhi falsafah hidup masyarakat popular.
- (a) Komponen gender dan ketuaan
  - (b) Komponen gender dan pangkat
  - (c) Komponen gender dan pengalaman
  - (d) Komponen gender dan asal
- (18) Islam yang menjadi bilateral kesan dari pengaruh adat dan adat yang menjadi patriaki kesan dan pengaruh Islam, membentuk sistem sosial masyarakat Islam Nusantara. Bagaimanakah ini dibayangkan dalam kaedah penyelidikan sosial?
- (a) Bahawa satu masyarakat boleh dikaji melalui sejarah sosialnya
  - (b) Bahawa satu masyarakat boleh meneruskan dua tamadun yang berbeza
  - (c) Bahawa proses penyesuaian dan konflik boleh bergerak bersama membentuk pengalaman sosial
  - (d) Bahawa patriaki tetap menjadi sistem sosial masa depan
- (19) Mengikut kaum pribumi Ma Betisi', sekiranya sesuatu fenomena tidak ada keterangan jelas yang mana menjadi kesan dan yang mana menjadi sebab, masa boleh dicirikan seperti demikian.
- (a) Masa menuju ke arah akan datang (future)
  - (b) Masa menerus dari satu fasa lama ke fasa baru (sequence)
  - (c) Masa itu progresif (linear)
  - (d) Masa itu berputaran (cyclical)

- (20) Kaedah antropologi paling sesuai kepada pandangan-pandangan alternatif kerana sebab berikut:
- (a) Kaedahnya memerlukan teknik kualitatif
  - (b) Kaedahnya mempertengahan pandangan dalam budaya
  - (c) Kaedahnya berbentuk naratif
  - (d) Kaedahnya tidak menerima teknik empirisis
- (21) Salah satu sebab mengapa sains sosial memindah kepada pandangan hermeneutiks ialah kerana:
- (a) Kaedah ini membolehkan masyarakat dikaji mengikut faktor-faktor yang dipentingkan oleh masyarakat itu sendiri
  - (b) Kaedah ini memerlukan kefahaman komparatif
  - (c) Kaedah ini mementingkan pendirian orang ramai
  - (d) Kaedah ini mengkaji fenomena sosial dari segi kontek dan keadaannya
- (22) Strategi mengglobalisasi ilmu pribumi di Asia berbeza dengan strategi yang sama di Barat kerana faktor ini:
- (a) Budaya-budaya Asia lebih bertamadun
  - (b) Masyarakat Asia mempunyai sejarah penjajahan oleh orang Barat dan berpendirian asing
  - (c) Asia sudah lama memperolehi unsur-unsur globalisasi yang lebih berkesan
  - (d) Asia lebih matang dari segi mengimbangkan pandangan beraneka
- (23) Naratif agung (meta-narative) boleh ditakrifkan sebagai:
- (a) kemajuan sains
  - (b) penaakulan sains
  - (c) teori agung disebalik modenisme
  - (d) teori kecil-kecilan sains sosial
- (24) Penulis yang menyifatkan “pascamodenisme” sebagai suatu epistemologi untuk mengambilkira syarat-syarat baru bagi ilmu pengetahuan ialah:
- (a) Anthony Giddens
  - (b) Jean Francois Lyotard
  - (c) Jean Braudrillard
  - (d) Francis Fukuyama

- (25) Perbezaan di antara realiti maya (virtual reality) and realiti hiper (hyper-reality) ialah:
- (a) realiti maya adalah sesuatu yang benar, realiti hiper adalah sesuatu yang tidak benar
  - (b) realiti maya adalah sesuatu yang direka oleh manusia, realiti hiper adalah sesuatu yang bukan direka oleh manusia
  - (c) realiti maya boleh dilihat, realiti hiper tidak dapat dilihat
  - (d) realiti maya adalah khayalan, realiti hiper adalah kewujudan samaran

Bahagian B (25 markah)

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

Soalan 2

Sejauhmanakah golongan intelektual berjaya mempribumikan ilmu sains sosial ke arah mengkritikkan dominasi kaedah sains dalam kajian fenomena sosial?  
(25 markah)

Soalan 3

Mengapakah sesetengah Interpretivis menghujahkan bahawa logik-logik pertanyaan (strategi-strategi) yang digunakan dalam sains semulajadi tidak sepatutnya diguna dalam sains sosial? Apakah pandangan anda tentang isu ini?  
(25 markah)